



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : ISLAMIC FINANCIAL PLANNING**  
**KOD KURSUS : DPI3203**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Jelaskan **dua (2)** kategori insurans beserta contoh.

(5 markah)

**SOALAN 2**

Huraikan **lima (5)** faedah dari penulisan wassiyah.

(5 markah)

**SOALAN 3**

Senaraikan **lima (5)** kebaikan cukai pendapatan yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia untuk individu yang layak dikenakan cukai.

(5 markah)

**SOALAN 4**

Tuliskan nota ringkas tentang perkara berikut:

- i. Takaful
- ii. *Faraid*
- iii. Pengurusan risiko
- iv. Anuiti
- v. Percukaian

(5 markah)

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Jelaskan **tiga (3)** keadaan harta untuk tujuan waqaf.  
(6 markah)
- b. Jelaskan **dua (2)** perbezaan di antara takaful keluarga dan takaful am.  
(4 markah)
- c. Kirakan jumlah zakat yang perlu dibayar jika jumlah pendapatan Rahimi sebanyak RM 50,000 dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 38,000.  
(3 markah)
- d. Farhana mempunyai koleksi emas dan perak yang disimpan sebagai aksesori. Jumlah emas dan perak yang disimpan setahun yang lepas masing-masing seberat 810 gram dan 600 gram.  
(Andaian : 'Uruf untuk emas = 800 gram ; harga semasa emas = RM185 per gram ; nisab untuk perak = 595 gram ; harga semasa perak = RM2.50 per gram)  
Kirakan jumlah zakat yang perlu dibayar pada
- emas
  - perak.
- Jika tidak layak dikenakan zakat, berikan alasan anda.  
(7 markah)

**SOALAN 2**

- a. *Sadaqah* dan *waqaf* merupakan sebahagian daripada perancangan kewangan Islam kerana melibatkan peruntukan dana untuk tujuan amal. Terangkan **dua (2)** perbezaan di antara *sadaqah* dan *waqaf*.  
(4 markah)
- b. Terangkan dengan ringkas **lapan (8)** kategori penerima zakat.  
(8 markah)

- c. Kirakan jumlah zakat yang perlu dibayar oleh Atihrah jika jumlah pendapatan sebanyak RM 45,000 dan jumlah perbelanjaan berjumlah RM28,000.  
(Andaikan kadar *nisab* sebanyak RM 8,000)  
(4 markah)
- d. Puan Rosnah membeli rumah teres berkembar di Bandar Laguna Merbok, Kedah. Rumah tersebut dibiayai oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad. Berikan pendapat anda kepada Puan Rosnah tentang jenis perlindungan takaful yang boleh di ambil untuk rumah tersebut.  
(4 markah)

### SOALAN 3

- a. Lembaga Tabung Haji Malaysia ditubuhkan oleh kerajaan untuk membantu rakyat Malaysia yang beragama Islam menunaikan haji. Berikan **dua (2)** objektif atas penubuhan tersebut.  
(4 markah)
- b. Berhubungan dengan cukai pendapatan individu, jelaskan istilah yang berikut:
- i. Sistem taksir sendiri
  - ii. *E-filing*
- (4 markah)
- c. Huraikan **tiga (3)** kebaikan berzakat.  
(6 markah)
- d. Terangkan **tiga (3)** fungsi Baitulmal.  
(6 markah)

### SOALAN 4

- a. Terangkan **dua (2)** perbezaan zakat dan cukai.  
(4 markah)
- b. Senaraikan **empat (4)** syarat untuk membayar zakat bagi seorang Muslim.  
(2 markah)
- c. Huraikan **dua (2)** jenis zakat harta.  
(4 markah)

d. Senaraikan **lima (5)** jenis pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi seorang individu.

(5 markah)

e. Senaraikan **lima (5)** pelepasan cukai (beserta jumlah) di bawah sistem cukai pendapatan Malaysia.

(5 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

Encik Khai dikehendaki mengira pelepasan cukai dan potongan sebelum dikenakan pendapatan bercukai. Berikut butiran yang telah dikumpulkan :

| Bil. | Aktiviti / Potongan   | Jumlah (RM) |
|------|---|-------------|
| 1    | Perlindungan untuk takaful keluarga                                   | 7,000       |
| 2    | Simpanan untuk anak-anak di Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)  | 2,500       |
| 3    | Rawatan perubatan untuk bapa di Pusat Perubatan KL                    | 4,000       |
| 4    | Pembelian buku dan majalah  | 1,500       |
| 5    | Pembelian peralatan sukan   | 300         |
| 6    | Bayaran bagi yuran pendidikan dalam program yang diluluskan pengajian | 5,000       |
| 7    | Pembelian komputer peribadi   | 3,500       |
| 8    | Yuran pendidikan suami  | 15,000      |
| 9    | Pembelian tablet  | 2,500       |
| 10   | Pembelian surat khabar Sinar Bulanan                                  | 500         |
| 11   | Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)                       | 500         |

- a. Termasuk pelepasan persendirian, kirakan pelepasan cukai atau potongan untuk Encik Khai.

(12 markah)

- b. Encik Basir mengeluarkan gaji sebanyak RM 4,320 sebulan. Selain daripada gaji, dia juga menerima bonus dan elaun berjumlah RM 15,500 setahun. Potongan diri sendiri dan isteri yang boleh dibenarkan adalah masing-masing berjumlah RM 9,000 dan RM 3,500. Beliau mempunyai empat (4) orang anak (dengan RM 1,000 pelepasan cukai bagi setiap seorang) dan caruman bulanan yang dibuat kepada ibu bapa sebanyak RM 250.

Simpanan dan potongan lain adalah seperti berikut:

|  |                |
|--|----------------|
| Potongan kepada KWSP :                 | RM 280 sebulan |
| Sumbangan kepada Lembaga Tabung Haji : | RM 120 sebulan |
| Sumbangan kepada koperasi :            | RM 80 sebulan  |

Kirakan jumlah zakat yang perlu dibayar atas pendapatan Encik Basir jika nisab ialah RM 8,000. (Tunjukkan semua jalan pengiraan)

(8 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## LAMPIRAN 1

## Kadar Cukai Pendapatan

## Tahun Taksiran 2016

| Banjaran Pendapatan Bercukai | Pengiraan (RM)                                 | Kadar % | Cukai(RM)          |
|------------------------------|--|---------|--------------------|
| 0 - 5,000                    | 5,000 berikutnya                               | 0       | 0                  |
| 5,001 - 20,000               | 5,000 pertama<br>15,000 berikutnya             | 1       | 0<br>150           |
| 20,001 - 35,000              | 20,000 pertama<br>15,000 berikutnya            | 5       | 150<br>750         |
| 35,001 - 50,000              | 35,000 pertama<br>15,000 berikutnya            | 10      | 900<br>1,500       |
| 50,001 - 70,000              | 50,000 pertama<br>20,000 berikutnya            | 16      | 2,400<br>3,200     |
| 70,001 - 100,000             | 70,000 pertama<br>30,000 berikutnya            | 21      | 5,600<br>6,300     |
| 100,001 - 250,000            | 100,000 pertama<br>150,000 berikutnya          | 24      | 11,900<br>36,000   |
| 250,001 - 400,000            | 250,000 pertama<br>150,000 berikutnya          | 24.5    | 47,900<br>36,750   |
| 400,001 - 600,000            | 400,000 pertama<br>200,000 berikutnya          | 25      | 84,650<br>50,000   |
| 600,001 - 1,000,000          | 600,000 pertama<br>400,000 berikutnya          | 26      | 134,650<br>104,000 |
| Lebih 1,000,000              | 1,000,000 pertama<br>Setiap ringgit berikutnya | 28      | 238,650<br>.....   |

## LAMPIRAN 2

Manfaat Kereta (*Motorcar Benefit*)

| <i>Cost of Car When New</i><br>[Kos Kereta Baru] (RM) | <i>Annual Value of Benefit</i><br>[Manfaat Setahun](RM) | <i>Fuel per Annum</i><br>[Minyak Setahun] (RM) |
|---|---|--|
| <i>Up to [Sehingga] 50,000</i>                        | 1,200   | 600  |
| 50,001 – 75,000                                       | 2,400   | 900  |
| 75,001 – 100,000                                      | 3,600   | 1,200  |
| 100,001 – 150,000                                     | 5,000   | 1,500  |
| 150,001 – 200,000                                     | 7,000   | 1,800  |
| 200,001 – 250,000                                     | 9,000   | 2,100  |
| 250,001 – 350,000                                     | 15,000  | 2,400  |
| 350,001 – 500,000                                     | 21,250  | 2,700  |
| 500,001 <i>and above [dan keatas]</i>                 | 25,000  | 3,000  |

## LAMPIRAN 3

Manfaat Perabut (*Furniture Benefit*)

| <i>Category</i><br>[Kategori] | <i>Types of Benefit</i><br>[Jenis Faedah]  | <i>Annual Value of Benefit</i><br>[Manfaat Setahun](RM) |
|-------------------------------|--|---|
| i.                            | <i>Semi-furnished with basic furniture.</i><br>[Berperabut-semi dengan perabut asas.]  | 840   |
| ii.                           | <i>Semi-furnished with furniture in (i) plus one or more of the following: air-conditioner, curtains and carpet.</i> [Sebahagian berperabut dengan perabut (i) termasuk satu atau lebih yang berikut: pendingin hawa, langsir dan permaidani.] | 1,680   |
| iii.                          | <i>Fully-furnished</i> [Berperabut lengkap]  | 3,360   |

